



## POLITIK SARAWAK ANTARA INTEGRASI DENGAN AUTONOMI

Politik Sarawak ada lima peringkat. Pertama, Sarawak mempunyai autonomi tersendiri dalam hubungannya dengan Persekutuan Malaysia. Dalam perkataan lain, hubungan antara Kuching dengan Kuala Lumpur. Pada peringkat kedua, hubungan antara pelbagai kaum dengan suku yang melahirkan jati diri Sarawak.

ZIN MAHMUD

**P**EMBAHAGIAN kaum pula dikira daripada kategori bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan kaum Cina. Pada peringkat ketiga, persaingan antara parti yang menjadi kerajaan, iaitu Barisan Nasional (BN) dengan pihak pembangkang.

Pada masa ini, Kerajaan Sarawak dikenali sebagai BN tambahan (*plus*). Sementara itu, pihak pembangkang ialah Pakatan Harapan dan beberapa parti yang lain. Peringkat keempat ialah dinamik hubungan antara parti komponen BN. Peringkat kelima ialah politik didalam parti yang menyertai pilihan raya negeri (PRN) di Sarawak.

Hubungan antara Kuching dengan Kuala Lumpur pula dapat dilihat dari sudut hubungan kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan dan peranan ahli parlimen Sarawak, baik dalam kerajaan mahupun pembangkang, pada peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Hal ini termasuklah peranan wakil Sarawak dalam kerajaan persekutuan, iaitu sebagai menteri kabinet mahupun dalam pelbagai agensi pada peringkat persekutuan dan hubungan antara parti yang memerintah di Kuching dengan parti yang memerintah di Kuala Lumpur.

Oleh sebab kedua-dua kerajaan datang daripada parti yang sama, maka dinamik komponen BN menjadi perkiraan,

khususnya hubungan antara dua parti utama pada peringkat negeri dengan persekutuan. Hal ini berkaitan dengan hubungan antara UMNO dengan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB).

Presiden UMNO ialah Pengerusi BN. Sementara itu, Pengerusi BN Sarawak disandang oleh Presiden PBB. Sarawak pula ialah satu-satunya negeri di Malaysia yang tidak mengundang kehadiran UMNO. Oleh itu, kedudukan Sarawak berkisar kepada integrasi dan autonomi, serta integrasi dengan melihat Sarawak sebagai sebahagian daripada gagasan Malaysia.

Sarawak mempunyai autonomi sebagai satu daripada empat buah wilayah yang menyertai gagasan Malaysia pada 16 September 1963. Empat buah wilayah tersebut ialah Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah. Sarawak mempunyai tradisi politik yang tersendiri dan berbeza daripada Semenanjung Malaysia. Warisan geografi, demografi, dan budayanya merupakan sebahagian daripada wilayah yang terletak di Pulau Borneo bersama-sama Brunei, Sabah dan Kalimantan, Indonesia.

Sarawak berkongsi warisan dengan Brunei sebelum diperintah oleh keluarga Brooke. Selepas Perang Dunia Kedua, Sarawak bersama-sama Brunei, Sabah, Singapura, dan Malaya menjadi sebahagian daripada Empayar British. Sarawak

kemudian menjadi salah sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia melalui pungutan suara daripada kehendak rakyat. Melalui undi rakyat jugalah, kerajaan negeri dipilih melalui pilihan raya. Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak mempunyai sejarah yang panjang, sejak ditubuhkan pada tahun 1867, dan kehendak rakyat terserlah dalam PRN pertama Sarawak pada tahun 1969.

Mengikut perkiraan, penggal Kerajaan Sarawak yang ada pada hari ini akan berakhir pada 20 Jun 2016. Begitu pun, pada 29 Januari lalu, Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem, memilih untuk mengadakan PRN ke-11 pada 30 April 2016, manakala tarikh penamaan calon pada 18 April 2016. Sehingga artikel ini ditulis, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) belum menetapkan tarikh PRN Sarawak. Mengikut peruntukan SPR, proses PRN hanya akan diadakan dalam tempoh 60 hari selepas DUN dibubarkan.

Bagi PRN pada kali ini, kerusi DUN ditambah daripada 71 kerusi kepada 82 kerusi. Ada 11 DUN baharu, iaitu Batu Kitang, Stakan, Serembu, Bukit Semula, Gedong, Kabong, Tellian, Bukit Goram, Murum, Samalaju dan Mulu. Pada PRN ke-10, BN meraih 45 kerusi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 36 kawasan menang dengan majoriti mudah, manakala sebanyak 47 kawasan menang dengan majoriti dua pertiga. Sarawak menyaksikan pertandingan antara BN dengan parti yang menentangnya. BN terdiri daripada PBB, Parti Rakyat Sarawak (PRS), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP).

Namun begitu, sejak tahun 2014, Kerajaan Sarawak dianggap sebagai BN tambahan yang terdiri daripada BN campuran Parti Rakyat Bersatu (UPP) dan Parti Tenaga Rakyat Sarawak (Teras), yang menyifatkan diri mereka sebagai parti yang menyokong BN. Pada ketika ini, PBB menduduki 35 kerusi, Teras (10 kerusi), PRS (lapan kerusi) dan SUPP (dua kerusi).

UPP ialah serpihan daripada SUPP. Sementara itu, Teras merupakan perpecahan daripada SPDP. Menerusi perpecahan tersebut, SUPP hanya memiliki dua orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), seorang ahli parlimen dan seorang senator. Hal ini dikatakan demikian kerana empat orang ADUN SUPP bertindak menyertai UPP. SPDP pula mempunyai tiga orang ahli parlimen. Enam orang ADUN dan seorang ahli parlimen yang bertindak menyertai Teras.

Pembahagian kerusi merupakan cabaran bagi Tan Sri Adenan. Kriteria dalam pembahagian kerusi berdasarkan kemampuan seseorang calon dan partinya untuk memenangi sesuatu kawasan. Dalam hal pembahagian kerusi, menurut pemimpin parti kedua terbesar BN Sarawak, Presiden PRS, Tan Sri Dr. James Jemut Masing, keutamaan

**Tan Sri Adenan dijangka bukan sahaja mampu membawa kemenangan BN Sarawak pada PRN ke-11, tetapi diyakini dapat menambah undi dan kerusi berbanding dengan keputusan PRN pada tahun 2011.**



DAERAH		2006	2011	DAERAH		2006	2011
N1. Opar	22	22	N37. Daro	22	22		
N2. Taski Biru	22	22	N38. Jemoreng	22	22		
N3. Tanjung Datu	22	22	N39. Reput	22	22		
N4. Pantai Damai	22	22	N40. Merandong	22	22		
N5. Demak Laut	22	22	N41. Pakan	22	22		
N6. Tupong	22	22	N42. Meluan	22	22		
N7. Samarang	22	22	N43. Ngemah	22	22		
N8. Satek	22	22	N44. Machan	22	22		
N9. Padungan	22	22	N45. Bukit Aseok	22	22		
N10. Pending	22	22	N46. Dudong	22	22		
N11. Batu Lintang	22	22	N47. Bawang Assan	22	22		
N12. Kota Sentosa	22	22	N48. Pelawan	22	22		
N13. Batu Kawah	22	22	N49. Nangka	22	22		
N14. Asajaya	22	22	N50. Dalat	22	22		
N15. Muara Tuang	22	22	N51. Balingian	22	22		
N16. Bengoh	22	22	N52. Tamin	22	22		
N17. Tarat	22	22	N53. Kakus	22	22		
N18. Tebedu	22	22	N54. Petagus	22	22		
N19. Kedup	22	22	N55. Katibas	22	22		
N20. Sadong Jaya	22	22	N56. Baleh	22	22		
N21. Simunjan	22	22	N57. Belaga	22	22		
N22. Sebuku	22	22	N58. Jepak	22	22		
N23. Lingga	22	22	N59. Kidorong	22	22		
N24. Beting Maro	22	22	N60. Kemena	22	22		
N25. Balai Ringin	22	22	N61. Bekenu	22	22		
N26. Bukit Begunan	22	22	N62. Lambir	22	22		
N27. Simanggang	22	22	N63. Piasau	22	22		
N28. Engkaji	22	22	N64. Pujut	22	22		
N29. Belang Ai	22	22	N65. Senadin	22	22		
N30. Sanbas	22	22	N66. Marudi	22	22		
N31. Layar	22	22	N67. Telang Usan	22	22		
N32. Bukit Saban	22	22	N68. Bukit Kola	22	22		
N33. Kaleka	22	22	N69. Batu Danau	22	22		
N34. Krian	22	22	N70. Bakriain	22	22		
N35. Belawai	22	22	N71. Bukit Sari	22	22		
N36. Sempok	22	22					

KEPUTUSAN KESELURUHAN

55 PER 3  
 12 DAP PERBAS 1

wajar diberikan kepada empat parti komponen yang terbesar. Menurutny, parti serpihan komponen sepatutnya kembali kepada parti asal mereka jika mahu bertanding di bawah lambang BN.

Tan Sri Adenan sendiri menyatakan bahawa pembahagian kerusi dalam kalangan PBB dan PRS tidak mendatangkan masalah baginya. Perselisihan hanya berlaku dalam pembahagian kerusi antara SPDP, Teras, SUPP dan UPP. Begitu pun, penyatuan dan perpecahan sememangnya mewarnai politik Sarawak sejak negeri tersebut mencapai kemerdekaan lagi. PBB sendiri merupakan hasil gabungan Parti Bumiputera dan Parti Pesaka Anak Sarawak (Pesaka), yang ditubuhkan pada tahun 1973. Sementara itu, Parti Bumiputera ialah gabungan Parti Negara Sarawak (Panas) dan Barisan Rakyat

Jati Sarawak (Barjasa), yang ditubuhkan pada tahun 1968. PRS pula ditubuhkan pada tahun 2004 ekoran pembatalan pendaftaran Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS). PBDS ditubuhkan pada tahun 1983, selepas berpecah daripada Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP). SDDP pula ditubuhkan pada tahun 2002 ekoran pembatalan pendaftaran SNAP.

Parti pembangkang pula terdiri daripada Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Reformasi Negeri (Star), Parti Pekerja Sarawak (SWP), Parti Cinta Malaysia (PCM), PBDS Baru, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Amanah Negara. DAP dan Amanah menubuhkan Pakatan Harapan Sarawak. Mereka berharap PKR dan Star turut menyertai mereka. Walau bagaimanapun, mereka menolak PAS. Pada PRN lalu PKR, DAP, dan PAS menganggotai Pakatan Rakyat (PR). Walau bagaimanapun, PR dibubarkan apabila berlaku perselisihan antara PAS dengan DAP. Amanah pula merupakan parti serpihan PAS.

Dalam DUN Sarawak, pembangkang diketuai Chong Chieng Jen daripada DAP yang memiliki 15 kerusi, iaitu 11 dimiliki DAP, tiga kerusi PKR dan satu milik SWP. Banyak parti pembangkang Sarawak berasal daripada Semenanjung Malaysia, iaitu DAP, PKR, PCM, PAS dan Amanah. Sementara itu, semua parti komponen BN Sarawak ialah parti asal negeri tersebut. Ironinya pihak pembangkang selama ini yang lebih banyak memperjuangkan autonomi.

Tan Sri Adenan, yang menggantikan Tun Abdul Taib Mahmud yang kini Yang di-Pertua Negeri sejak 1 Mac 2014, dilihat mempunyai populariti yang tinggi dan terus meningkat dari masa ke masa. Tinjauan Pendapat Umum Tadbir Urus Baik Sarawak yang dilakukan oleh Merdeka Centre pada Julai 2014, menunjukkan bahawa populariti Tan Sri Adenan dalam kalangan rakyat Sarawak mencapai 74 peratus. Tiga bulan kemudian, tinjauan mendapati populariti Tan Sri Adenan terus meningkat dan mencapai 84 peratus.

Tan Sri Adenan dijangka bukan sahaja mampu membawa kemenangan BN Sarawak pada PRN ke-11, tetapi diyakini dapat menambah undi dan kerusi berbanding dengan keputusan PRN pada tahun 2011. Cara kepimpinannya dalam menyelesaikan masalah dengan pendekatan yang mendekati rakyat mendapat sokongan rakyat Sarawak, terutama kaum Cina. Tambahan pula, sebagai ketua menteri baharu yang usahanya kelihatan bersungguh-sungguh dalam membawa perubahan kepada negerinya, maka dijangkakan bahawa pengundi Sarawak, termasuk dalam kalangan penyokong pembangkang, akan beralih undi untuk memberi peluang pada Tan Sri Adenan.

Lebih-lebih lagi apabila pembangkang, khususnya DAP yang meraih banyak undi dan kerusi pada PRN 2011, terutama dalam kalangan pengundi Cina, berkempen dengan tema untuk mengubah Sarawak daripada kepimpinan Tun Abdul Taib yang dianggap terlalu lama mentadbir negeri tersebut. Beliau menjadi ketua menteri dari tahun 1981 hingga tahun 2014.

Dalam PRN Sarawak yang lalu, parti komponen BN yang kehilangan kerusi ialah SUPP yang merupakan parti yang mewakili kaum Cina. SUPP kalah lapan kerusi kepada DAP yang memperoleh 12 kerusi DUN. Wujud cabaran bagi BN Sarawak apabila berlaku perpecahan dalam SUPP yang kini mempunyai UPP. Untuk memastikan SUPP bekerjasama dengan UPP dalam kempen kelak, adalah penting untuk kedua-dua parti ini mengalahkannya DAP.

Seperti yang dilihat daripada keputusan PRN lalu, BN Sarawak boleh mencapai kemenangan hanya dengan bergantung pada kawasan bumiputera. Maknanya terdapat dua parti tonggak BN Sarawak, iaitu PBB dan PRS yang dipimpin oleh Tan Sri Dr. James. Satu lagi parti yang mewakili bumiputera bukan Islam ialah SPDP. Namun begitu, sokongan daripada kaum Cina dilihat amat penting bukan sahaja untuk mengukuhkan Kerajaan BN Sarawak, tetapi bagi mencerminkan komposisi kaum di negeri tersebut. Tan Sri Adenan sudah tentu mahu menjadi ketua menteri yang memperoleh sokongan semua kaum di negeri tersebut dan seterusnya dapat menyatukan rakyat di bawah satu matlamat politik.

Untuk itu, Tan Sri Adenan melancarkan kempen Sejiwa Senada yang bermula di Miri pada 8 Januari lalu. Majlis tiga hari tersebut mendapat sambutan yang baik dengan kehadiran lebih daripada 30 ribu orang penyokongnya. Program selanjutnya dijangka diadakan di Sibu, diikuti Sarikei, Kapit dan Mukah. Ternyata Tan Sri Adenan memerlukan penyatuan rakyat Sarawak sekali gus mandat besar daripada rakyat dalam PRN ke-11 kerana beliau sememangnya berusaha keras agar Sarawak memperoleh lebih banyak kuasa autonomi daripada kerajaan persekutuan.

Autonomi merupakan perkara penting bagi Tan Sri Adenan kerana perkara tersebut bukan sahaja dijadikan isu dalam PRN lalu oleh pihak pembangkang, tetapi beliau sendiri perlu memperjuangkannya kerana kepentingannya kepada Sarawak.

Rakyat Sarawak daripada pelbagai kaum mengharapkan kepimpinan yang dapat membawa kemajuan kepada Sarawak.

**Autonomi yang dahulunya merupakan inti perjuangan pembangkang kini merupakan matlamat bersama-sama Kerajaan Sarawak dan rakyat Sarawak yang diketuai BN Sarawak.**

rakyat Sarawak. Dalam hal ini, Tan Sri Adenan mengingatkan pihak pembangkang agar jangan sesekali memperkecilkan usaha beliau dan yakin bahawa pembangkang sendiri tidak mahu beliau gagal dalam mendapatkan kuasa autonomi yang lebih besar. Autonomi yang dahulunya merupakan inti perjuangan pembangkang kini merupakan matlamat bersama-sama Kerajaan Sarawak dan rakyat Sarawak yang diketuai BN Sarawak.

Rundingan autonomi antara ketua menteri dengan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, bermula sejak 19 Januari lalu. Menurut Tan Sri Adenan, secara prinsip, kerajaan persekutuan bersetuju dengan permintaan Sarawak dan beliau berharap dapat mencapai segala rundingan dalam tempoh lima tahun dari sekarang. Rundingan tersebut dibuat dalam kerangka hak negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan, Persetujuan Malaysia, Laporan Jawatankuasa antara Kerajaan, Suruhjaya Cobold, dan kedudukan autonomi Sarawak dalam Malaysia.

Menurut Tan Sri Adenan, kerajaan persekutuan bersetuju menghentikan pengeluaran lesen perikanan laut dalam di perairan Sarawak, dan untuk tempoh tiga tahun, kerajaan persekutuan akan turut memastikan sebanyak 90 peratus guru di negeri tersebut merupakan anak tempatan, dan penambahan lebih banyak pegawai imigrasi di negeri tersebut. Persetujuan tersebut adalah antara 13 perkara yang dituntut oleh Kerajaan Sarawak. Hal tersebut merupakan fasa pertama daripada tiga fasa yang dikemukakan.

Fasa pertama melibatkan hal ehwal pentadbiran. Fasa kedua berhubung dengan peningkatan kuasa oleh pihak persekutuan dalam hal ehwal pelancongan, warisan, sukan dan alam sekitar. Sementara itu, fasa terakhir berkaitan dengan kewangan yang ada hubungannya dengan royalti minyak dan gas, kewilayahan perairan dan akta pembangsan petroleum.

Sejang awal lagi, apabila Tan Sri Adenan menyandang jawatan ketua kerajaan negeri, beliau menunjukkan sikap yang cenderung untuk mendapatkan lebih banyak autonomi bagi Sarawak. Walaupun autonomi menjadi isu yang dimainkan oleh pembangkang pada

PRN terdahulu, beliau mula menggerakkan usahanya tidak sampai seminggu sebaik-baik beliau dilantik menjadi Ketua Menteri Sarawak.



Antara perkara awal yang dilakukan termasuklah memulihkan kedudukan dwibahasa dalam pentadbiran Sarawak. Penggunaan kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, dilihat sebagai menepati kehendak Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Hal ini dikatakan demikian kerana Sarawak secara rasmi tidak pernah menyingkirkan bahasa Inggeris dalam urusan pentadbiran negeri dan DUN Sarawak tidak pernah meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967.

Sarawak mempunyai lebih daripada 40 suku kaum. Enam kaum terbesar ialah Iban, Cina, Melayu, Bidayah, Melanau dan Orang Ulu. Sementara itu, istilah Dayak merujuk suku kaum Iban dan Bidayah. Secara umumnya, penduduk Sarawak dibahagikan kepada bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan Cina. Kecuali PBB yang dianggap sebagai



Sambutan baik rakyat Sarawak terhadap kepimpinan Adenan merupakan petanda awal BN Sarawak akan memenangi lebih banyak kerusi pada PRN ke-11.

parti yang mewakili bumiputera, parti politik lain dibentuk untuk mewakili pelbagai kaum. Namun begitu, pada akhirnya, keahlian sesuatu parti didominasi sesuatu kaum dan menjadi parti bagi mewakili kaum yang terlibat. Oleh itu, walaupun PBB merupakan parti untuk semua kaum bumiputera dan terdapat pemimpin dan ahlinya daripada pelbagai anutan agama, tetapi keahlian dan kepimpinannya terdiri daripada majoriti orang Islam, maka PBB muncul sebagai parti yang mewakili bumiputera Islam.

Bagitu juga dengan PRS dan SPDP yang mewakili bumiputera bukan Islam. SUPP dan serpihannya, UPP, mewakili kaum Cina. Pada pihak pembangkang, DAP mewakili kaum Cina, PKR mewakili bumiputera, dan PAS mewakili bumiputera Islam. Walaupun Amanah merupakan parti serpihan PAS, parti tersebut turut membuka keahliannya kepada pelbagai penganut agama. Kaum terbesar bumiputera bukan Islam ialah Iban. Bumiputera bukan Islam sebenarnya merujuk bumiputera Kristian yang kebanyakannya Katolik. Begitu pun, terdapat juga banyak orang Cina yang merupakan penganut Kristian. Oleh itu, kaum di Sarawak tidak boleh dikaitkan dengan agama.

Bumiputera merupakan konsep yang diwujudkan pada 16 September 1963, iaitu ketika penubuhan Malaysia. Sebelum penubuhan Malaysia, Sarawak menjadi tanah jajahan Britain. Tanah Melayu atau Malaya mencapai kemerdekaan daripada Britain pada 31 Ogos 1957. Pada ketika itu, Tanah Melayu disifatkan sebagai negara berbilang kaum dengan memiliki tiga kaum utama, iaitu Melayu, Cina dan India. Dalam Perlembagaan Persekutuan, terdapat peruntukan berhubung dengan kedudukan istimewa orang Melayu sebagai peribumi. Orang Melayu pula ditakrifkan sebagai penganut agama Islam.

Apabila Singapura berhasrat untuk mencapai kemerdekaan, mereka bercantum dengan Tanah Melayu bagi menjamin keselamatan kedua-dua buah negara daripada ancaman komunisme. Tanah Melayu pulaimbang bilangan



majoriti kaum Cina di Singapura akan menyebabkan orang Melayu menjadi minoriti.

Penyelesaiannya diwujudkan gagasan Malaysia yang menggabungkan semua tanah jajahan Britain di Asia Tenggara untuk menjadi sebuah negara baharu. Maka muncul konsep bumiputera yang meliputi orang Melayu di Tanah Melayu bergabung dengan kaum peribumi di Sarawak dan Sabah. Hal ini memastikan kaum Cina di Singapura tidak mendominasi Malaysia.

Meskipun Brunei membatalkan cadangan awal untuk menyertai Malaysia dan Singapura pula keluar daripada negara baharu tersebut, konsep bumiputera kekal dan memberikan kesan kepada dasar pembangunan kerajaan. Namun begitu, tidak seperti di Semenanjung Malaysia, bumiputera Sabah dan Sarawak tidak keseluruhannya beragama Islam. Mereka beragama Kristian. Oleh sebab itu, politik beragama di Sarawak berbeza daripada apa-apa yang berlaku di Semenanjung Malaysia. Maka sensitiviti agama juga berlainan.

Meskipun Sarawak merupakan salah sebuah negeri dalam Malaysia, Sarawak mempunyai perwatakan sendiri. Hal yang

demikian juga dengan Sabah. Sarawak dan Sabah mempunyai perwatakan yang hampir sama berbanding dengan negeri di Semenanjung Malaysia. Hal ini antara lain dikatakan kerana kedua-dua buah negeri tersebut berada dalam lingkungan budaya Borneo yang lebih hampir. Namun begitu, Semenanjung Malaysia dan Borneo berada dalam ruang lingkup budaya Nusantara yang juga sama, iaitu meliputi Brunei dan Indonesia. Hubungan ketiga-tiga buah wilayah, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, dirapatkan lagi melalui warisan pentadbiran British. Maka Malaysia muncul sebagai gagasan yang memberikan kestabilan dan kemakmuran kepada semua.

Memang benar, seperti kata Tan Sri Adenan bahawa Sarawak tidak memasuki Malaysia kerana Malaysia tidak wujud sebelum persetujuan ditandatangani. Sarawak merupakan pihak yang setaraf dalam menubuhkan Persekutuan Malaysia. Maknanya Sarawak berkongsi Persekutuan Malaysia bersama-sama Tanah Melayu, Singapura dan Sabah. Walau bagaimanapun, tentu ada kebijaksanaan politik apabila pemimpin terdahulu, seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Razak Hussein, Tun Hussein Onn, dan Tun Dr. Mahathir Mohamad, pada peringkat persekutuan, dan Tun Abdul Rahman Yaakub dan Tun Abdul Taib yang membawa Sarawak melalui jalan yang lebih berintegrasi berbanding dengan autonomi.

Ada sebabnya Sabah dan Sarawak menjadi negeri yang sama dengan negeri dalam Tanah Melayu dan bukannya negara dalam persekutuan Malaysia. Juga ada sebabnya Tanah Melayu ditukarkan nama kepada Semenanjung Malaysia, bahasa Melayu menjadi bahasa Malaysia, dan konsep Melayu digantikan dengan bumiputera tanpa mengira anutan agama. Begitu pun, apabila kerajaan BN kehilangan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum (PRU) pada tahun 2008, didapati Kuching dan Kota Kinabalu mempunyai pengaruh yang besar dan penting kepada Kuala Lumpur. Ekoran daripada itu, isu pemuliharaan autonomi di kedua-dua buah negeri mula menjadi perbincangan. Maka apa-apa yang dirasakan oleh sebahagian daripada rakyat Sarawak ialah mereka sepatutnya mendapat lebih banyak perkara dengan berada di dalam Malaysia. Sementara itu, pihak yang lain pula berasakan bahawa sejak menyertai Malaysia, Sarawak bukan saja stabil, tetapi juga mengecap pembangunan.

Kecondongan negeri atau wilayah dalam sesebuah negara dengan memperoleh peningkatan kuasa daripada kerajaan pusat ialah sesuatu yang lumrah. Istilah yang digunakan ialah *devolution*, iaitu penurunan kuasa daripada kerajaan pusat kepada negeri atau wilayah. Hal ini berlaku antara Scotland dengan kerajaan pusat Britain. Di Indonesia apabila wilayah yang dikenali sebagai provinsi memperoleh peningkatan kuasa daripada Jakarta. Hal ini berlaku sebagai sebahagian daripada proses pendemokrasian sejak peristiwa reformasi yang membawa kejatuhan Presiden Suharto. Sejak

kemerdekaan, Indonesia amat kuat mempertahankannya sebagai negara kesatuan bagi mengelakkan sebarang pemisahan daripada provinsi mereka. Namun begitu, proses penurunan kuasa antara lain juga bertujuan untuk mempertahankan kesatuan republik supaya tidak berlaku sebarang pemisahan wilayah. Maka dapat disaksikan betapa provinsi Kalimantan, di pulau Borneo, juga memperoleh penambahan kuasa daripada Jakarta.

Oleh itu, kedudukan Sarawak merupakan sebuah negeri dalam sistem persekutuan, ditambah pula penyertaan Sarawak dalam Malaysia sebagai entiti yang merdeka, iaitu melalui perjanjian yang didukung oleh rakyatnya. Matlamat akhir yang perlu dicapai adalah untuk memastikan wujud kesejahteraan rakyat di seluruh Malaysia. Hal itulah yang menjadi asal usul persekutuan ditubuhkan oleh pengasas yang diketuai Tunku Abdul Rahman. Beliau mula mengutarakan gagasan Malaysia pada tahun 1961 dengan cadangan daripada Lee Kuan Yew. Dari Sarawak, pada tahun 1962, gagasan Malaysia disokong oleh lima parti politik, iaitu Panas, Barjasa, Persatuan Cina Sarawak (SCA) dan SNAP. Mereka menubuhkan Perikatan Sarawak. Mereka bekerjasama dengan Perikatan dari Tanah Melayu, Parti Tindakan Rakyat (PAP) Singapura, dan Perikatan Sabah untuk menubuhkan Malaysia.

Asasnya adalah untuk menghalang sebarang penguasaan pihak komunis di semua bekas tanah jajahan British. Sarawak sendiri diancam komunis melalui Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) yang melancarkan perang. Pihak komunis, yang mendapat sokongan daripada Indonesia melalui Presiden Sukarno, menamakan wilayah Sarawak, Brunei, dan Sabah sebagai Kalimantan Utara. Provinsi Indonesia di selatan pulau Borneo ialah Kalimantan Barat, Kalimantan Timur dan Kalimantan Selatan. Keseluruhan pulau Borneo dinamai Kalimantan oleh Indonesia. Sementara itu, sebuah parti di Sarawak yang menjadi sekutu komunis juga dikenali sebagai Parti Rakyat Kalimantan Utara (Paraku).

Oleh itu, ancaman komunis dan penubuhan Malaysia ialah usaha yang dilakukan oleh ahli politik di rantau ini bagi menghalang sebarang peluasan komunisme. Pada ketika itu, Indonesia melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia apabila Malaysia ditubuhkan. Meskipun ancaman komunisme tiada, soal pembangunan dan keadilan dalam pembahagian sumber terus menjadi pertimbangan parti politik.

Politik dalam demokrasi ialah seni yang boleh digambarkan sebagai berseri tiga. Pada satu segi, mewakili idealisme untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat dengan mencari jalan penyelesaian bagi masalah yang dihadapi masyarakat dan negara. Dari segi kedua, digambarkan sebagai permainan untuk mendapatkan kuasa bagi seseorang ahli politik, kumpulannya, partinya, kaumnya dan fahamannya. Sementara itu, segi ketiga merupakan emosi dan psikologi dalam hubungan sesama manusia dengan memunculkan suatu dinamik yang dikenali sebagai politik. 🗳